



02 OCT, 2025

AFA ganti ICPT: Pengguna elektrik nikmati tarif lebih adil, telus, mampan

Berita Harian, Malaysia



AFA ganti ICPT: Pengguna elektrik nikmati tarif lebih adil, telus, mampan

Inisiatif jamin keterjangkauan memastikan kelestarian tenaga negara

Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persepsi setiap mekanisme baharu dalam bil elektrik akan menaikkan tarif, perlu diperbetulkan.

Hakikatnya, pelaksanaan Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik atau Automatic Fuel Adjustment (AFA) bukanlah tarif baharu, sebaliknya satu sistem lebih adil, telus dan mampan bagi melindungi pengguna daripada ketidaktentuan kos tenaga global.

Bermula Julai 2025, AFA menggantikan mekanisme lama *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) yang sebelum ini disemak setiap enam bulan sekali.

Namun perubahan besar diba-

wa AFA ialah pelarasan kos kini dilakukan setiap bulan, menjadikannya lebih tepat dan selari dengan keadaan pasaran semasa.

AFA berfungsi sebagai komponen tambahan dalam bil elektrik yang boleh berbentuk rebate (rebate, negatif) atau caj tambahan (surcharge, positif) bergantung kepada harga bahan api global dan kadar tukaran asing.

Bagi Oktober ini, kadar AFA adalah negatif pada paras -6.50 sen/kilowatt-jam (kWj), sekali gus membolehkan pengguna menikmati penjimatan yang dipaparkan secara jelas pada bil masing-masing.

Sebagai contoh, pada September lalu pengguna menikmati rebate lebih kecil iaitu -1.10 sen/kWh, menunjukkan mekanisme ini bergerak seiring dengan turun naik kos bahan api dunia.

Penentuan kadar dibuat selepas pengesahan badan kawal selia, Suruhanjaya Tenaga (ST) bagi memastikan pengguna membayar kos elektrik yang mencerminkan keadaan pasaran sebenar kos bahan api dunia.

Malah, mekanisme ini membolehkan rakyat memahami, bil

elektrik bukan hanya bergantung kepada tarif asas, tetapi turut dipengaruhi faktor luaran yang tidak dapat dikawal.

Beri kesan berbeza

AFA memberi kesan berbeza mengikut kumpulan pengguna.

Pelanggan domestik dengan penggunaan 600 kWj ke bawah sebulan tidak terkesan kerana dilindungi sepenuhnya daripada pelarasan.

Sebaliknya, isi rumah yang menggunakan lebih 600 kWj serta semua pelanggan bukan domestik akan merasai kesan langsung sama ada dalam bentuk rebate atau caj tambahan.

Bagi pengguna isi rumah dengan penggunaan sederhana, perubahan mungkin tidak begitu ketara.

Namun, bagi sektor industri dan komersial yang menggunakan tenaga dalam jumlah besar, AFA boleh memberi impak lebih jelas terhadap kos operasi bulanan mereka.

Walaupun begitu, tarif asas dan struktur bil elektrik kekal tidak berubah. AFA hanyalah komponen tambahan yang menyesuaikan kos bahan api sebe-



AFA sistem lebih adil, telus dan mampan bagi melindungi pengguna. (Foto hiasan)

nar, sekali gus memberi jaminan bahawa sistem baharu ini tidak bertujuan membebaskan rakyat.

Buat masa ini, pengguna menikmati kadar negatif; ia boleh berubah kepada positif sekiranya harga bahan api dunia meningkat.

Justeru, pengguna disarankan memahami AFA bersifat dinamik, bergantung kepada keadaan pasaran antarabangsa, menjamin keterjangkauan dan memastikan kelestarian tenaga negara.

Pengenalan AFA dalam struktur tarif elektrik adalah langkah penting untuk mengekalkan kebolehpercayaan bekalan elektrik, di samping memberi ketelusan kepada rakyat bagaimana kos sebenar ditentukan.

Oleh itu, pelaksanaan AFA bukanlah satu beban, sebaliknya perlindungan jangka panjang untuk semua.

Untuk maklumat mengenai kadar AFA terkini dan unjuran 3-bulan, layari: <https://www.myt-nb.com.my/tariff>.